

# Banyak peluang perluaskan niaga

BH 5 AUG 1987

LENINGRAD, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mo'amad, berkata apa yang dilhatnya sejak memulakan lawatan rasmi ke Russia pada 29 Julai mengesahkan wujud banyak peluang memperluaskan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara.

Katanya, anggota rombongan beliau, yang termasuk lebih 20 ahli perniagaan swasta, menggunakan kesempatan ini untuk mencari peluang-peluang baru memperluaskan kerjasama perdagangan dan ekonomi dengan Russia.

Perdana Menteri berkata demikian di majlis makan malam meraikan beliau oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Bandaraya Leningrad, Encik K I Khodyrev, di sini malam ini.

Katanya, walaupun sejarah Russia lebih tertumpu kepada Barat, kenyataan Setiausaha Agung Parti Komunis Russia, Encik Mikhail Gorbachev, di Vladivostok pada Julai tahun lalu, memberi peringatan yang Russia mempunyai kepentingan di rantau Asia-Pasifik.

Dasar Russia itu, tegas Perdana

Menteri, mempunyai implikasi yang menyeluruh memandangkan rantau itu sebagai kawasan pertumbuhan ekonomi yang penting.

Justeru itu, beliau mengambil kesempatan daripada lawatannya untuk membincangkan interaksi di antara kedua-dua negara di bidang kerjasama dua hala dan antarabangsa untuk mencari persefahaman mengenai isu-isu semasa di rantau Asia-Pasifik.

Jumaat lalu Perdana Menteri mengadakan rundingan dua jam dengan Encik Gorbachev di Moscow.

"Saya juga datang untuk mendalami kefahaman saya mengenai negara anda dan perubahan-perubahan dinamik yang berlaku di bawah kepimpinan Setiausaha Agung Gorbachev," tegas Datuk Seri Dr Mahathir.

Pagi tadi Perdana Menteri meletakkan kalungan bunga di Perkuburan Peringatan Piskarevskoye di mana lebih 400,000 mangsa Perang Dunia Kedua dikebumikan.

Mereka terkorban ketika mempertahankan Leningrad daripada serangan dan kepungan Jerman selama 900 hari ketika Perang Dunia Kedua.